

## **Peraduan Econsave Teka & Menang**

Dengan menyertai Econsave Beli & Menang (“Peraduan”), anda (“Peserta”) mengakui telah membaca dan bersetuju untuk menerima Terma dan Syarat yang tersenarai seperti berikut:

### **TERMA DAN SYARAT**

1. Peraduan ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas, kecuali kakitangan Econsave Malaysia (“Pihak Penganjur”) dan ahli keluarga terdekatnya, syarikat sekutunya, rakan kongsi perniagaan, pembekal/pengedar, agensi promosi/pengiklanan/perhubungan awam dan pihak lain yang terlibat dalam Peraduan ini.

2. Peraduan ini berlangsung dari 18 Okt 2024 – 10 Nov 2024 (“Tempoh Peraduan”). Pihak Penganjur berhak untuk memindahkan, melanjutkan atau menamatkan Tempoh Peraduan pada bila-bila masa tanpa memberikan notis terlebih dahulu.

### **CARA-CARA PENYERTAAN**

1. Untuk menyertai Peraduan ini, setiap Peserta yang layak perlu dalam Tempoh Peraduan, melakukan perkara-perkara yang berikut:

A. Padankan gambar kolam dan jawab soalan dengan betul di ruang komen

### **HADIAH PERADUAN**

1. Setiap peserta berpeluang untuk memenangi:-

- Hadiah utama: Yamaha Motor 135 LC x 1 pemenang
- Hadiah tempat pertama: Peti Sejuk x 1 pemenang
- Hadiah tempat kedua: Smart TV x 1 pemenang
- Hadiah tempat ketiga: Jongkong emas seberat 1g x 10 pemenang

2. Tertakluk kepada terma dan syarat lain yang dinyatakan di dalam perjanjian hadiah.

3. Sekiranya hadiah yang ternyata tidak didapati atas apa jua keadaan, Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain tanpa sebarang notis. Hadiah tidak boleh ditukar kepada wang tunai, dipindah milik dan akan dipersembahkan kepada pemenang yang tertakluk kepada semua kenyataan di dalam Terma dan Syarat ini.

## **PEMILIHAN PEMENANG**

1. Hanya peserta yang memenuhi syarat peraduan dengan tepat layak untuk memenangi
2. Pihak Penganjur akan menghubungi pemenang-pemenang. Sekiranya Pemenang tidak dapat dihubungi, maka Pihak Penganjur mempunyai hak mutlak untuk menggantikan Pemenang kepada peserta seterusnya.
3. Pemenang yang dihubungi perlu disahkan dahulu mengikut informasi yang dihantar kepada Econsave.
4. Pihak Penganjur akan menentukan cara menghantarkan atau pengambilan hadiah berdasarkan hadiah yang dimenangi. Pemenang seharusnya mengatur pengambilan hadiah tersebut ia termasuk pengaturan pengangkutan sendiri.
6. Wakil untuk pengambilan hadiah tidak akan dilayani.
7. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang hadiah yang tidak ditebus. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang hadiah yang tidak diterima. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap kecacatan, kehilangan, kerosakan atau kecurian yang berlaku semasa proses penghantaran dan penerimaan hadiah. Pemulangan hadiah oleh pemenang tidak akan dilayani.

## **LAIN-LAIN**

1. Dengan menyertai Peraduan ini dan menerima hadiah, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk menggunakan nama, alamat, gambar, butiran peribadi, dokumen, dan maklumat tanpa sebarang bayaran royalti dan/atau bayaran pampasan untuk tujuan pengiklanan dan semua bentuk publisiti yang lain, termasuk, tanpa had kepada sebarang rakaman berkaitan dengan Peraduan ini dari semasa ke semasa.
2. Pihak Penganjur berhak memindahkan butiran peribadi yang diberikan dalam Peraduan ini (termasuk tetapi tidak terhad kepada, nama, alamat, nombor telefon, nombor kad pengenalan) kepada agensi yang dilantik bagi segala tujuan pengurusan Peraduan ini dan komunikasi dengan Peserta. Pihak Penganjur akan berusaha sedaya upaya untuk memastikan segala butiran peribadi adalah sulit dan dilindungi daripada penyalahgunaan, mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi
3. Pihak Penganjur berhak membatalkan penyertaan dan/atau Peserta yang berikut tanpa perlu memberikan sebarang bukti atau penjelasan kepada Peserta:- Penyertaan pendua, tidak lengkap, tidak jelas, rosak, lambat, penyertaan tanpa resit, penyertaan yang disyaki sindiket, perolehan resit secara haram dan/atau mana-mana penyertaan lain yang tidak dapat dipertikaikan dan mewujudkan persoalan kepada Pihak Penganjur.
4. Semua Peserta bertanggungjawab sepenuhnya atas sebarang kecederaan, kerosakan atau tuntutan yang disebabkan, secara langsung atau tidak oleh penyertaan mereka dalam Peraduan ini dan juga daripada penebusan atau penggunaan hadiah. Peserta adalah atas tanggungan sendirinya untuk sebarang cukai, insurans, atau perbelanjaan yang mungkin dikenakan disebabkan oleh penyertaan dalam Peraduan ini atau memenangi hadiah berkenaan. Dengan menerima atau menggunakan mana-mana hadiah, Peserta bersetuju untuk melepaskan tanggungan Pihak Penganjur, semua rakan niaganya dan pihak lain yang berkaitan dengan Peraduan ini, termasuk pengarah, pegawai, kakitangan dan ejen mereka daripada mana-mana tuntutan, pendakwaan, sesi penilaian, kerosakan, kerugian atau

liabiliti yang ditanggung, berkaitan dengan penyertaannya dalam Peraduan ini dan penerimaan, penebusan atau penggunaan mana-mana hadiah.

6. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang salah tafsir untuk fakta yang berkenaan untuk hadiah yang ditawarkan dan diterbitkan di mana-mana media massa, pemasaran atau bahan pengiklanan. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Pihak Penganjur tidak membuat sebarang representasi dan/atau jaminan berkenaan mana-mana hadiah untuk Peraduan ini. Khususnya, Pihak Penganjur tidak memberikan jaminan berkenaan kebolehdagangan, kualiti hadiah atau kesesuaian hadiah untuk sebarang tujuan.

7. Pihak Penganjur atas budi bicaranya boleh menambah, menggugurkan, mengubahsuai atau meminda apa-apa Terma dan Syarat, kaedah Peraduan, hadiah-hadiah yang telah ditetapkan atau apa jua yang berkenaan dengan Peraduan ini tanpa memberi notis terlebih dahulu dan Peserta adalah terikat dengan pembaharuan tersebut. Segala pampasan atau tuntutan kerugian, kerosakan dan kesulitan yang berlaku kepada Peserta (sama ada dalam wang tunai atau bentuk lain) disebabkan oleh pemindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungungan secara langsung atau tidak, sepertimana yang disebut di atas tidak akan dilayani.

8. Sekiranya berlaku percanggahan, konflik, ketidakpastian dalam Terma dan Syarat Peraduan ini, Pihak Penganjur akan membuat penilaian atas budi bicaranya secara mutlak dan segala keputusan oleh Pihak Penganjur adalah muktamad.

9. Peserta memahami bahawa dia mempunyai hak untuk mengakses, membetul atau menarik balik persetujuan untuk mendedahkan maklumat peribadinya yang dipegang oleh Pihak Penganjur. Permintaan tersebut boleh dibuat melalui e-mel di [customer\\_support@econsave.com.my](mailto:customer_support@econsave.com.my)

10. Pihak Penganjur menghormati keperibadian individu sehubungan dengan data peribadi yang diberikan oleh Peserta untuk Peraduan ini. Peserta boleh merujuk kepada [www.econsave.com.my](http://www.econsave.com.my) untuk Notis Penuh di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Data peribadi yang diberikan oleh Peserta akan digunakan semata-mata untuk Peraduan ini sahaja.

10. Terma dan Syarat Peraduan ini hanya terdapat dalam Bahasa Malaysia sahaja.

## **NOTIS AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010**

Notis data peribadi ini ("Notis") bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda akan diproses oleh atau bagi pihak Econsave ("Econsave" atau "kami").

Dengan penghantaran borang penyertaan Peraduan ini, anda bersetuju untuk memberi kebenaran untuk memproses data peribadi anda oleh Econsave seperti yang dinyatakan dalam Notis ini.

Kami akan memproses data peribadi yang disertakan kepada kami, seperti nama, nombor kad pengenalan, nombor perhubungan, alamat dan apa-apa data peribadi lain yang diminta dalam borang penyertaan Peraduan ini.

Econsave akan memproses data peribadi anda, termasuk maklumat tambahan yang diminta kemudian oleh Econsave, untuk tujuan perhubungan (jika berkenaan) dan Peraduan ini.

Data peribadi yang diberi mungkin akan didedahkan kepada pembekal perkhidmatan untuk tujuan yang ternyata diatas. Pembekal perkhidmatan termasuk pihak anjuran, urusan atau operasi yang diberikan kuasa untuk Peraduan ini.

Anda bertanggungjawab untuk memastikan data peribadi anda yang diberikan kepada kami adalah terkini, tepat, lengkap dan tidak mengelirukan. Anda boleh mengakses dan meminta pengubahan data peribadi anda dan/atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda, atau membuat sebarang pertanyaan atau pengaduan mengenai data peribadi anda, melalui emel di [customer\\_support@econsave.com.my](mailto:customer_support@econsave.com.my).